



## DIGITALISASI PEMASARAN E-DAGANG FELDA KE HADAPAN

Pemahaman Harta  
Pusaka Kecil Daripada  
Unit Pusaka Kecil Daerah

FELDA Prihatin-Bantuan  
Khas Kepada Warga  
Peneroka Terkesan COVID-19

Hari Peneroka FELDA  
2021-Anjakan Minda  
Peneroka Memacu FELDA Ke  
Hadapan

## ISI KANDUNGAN

### 02 SEKAPUR SIREH

Perutusan Pengerusi FELDA

### 03 URUS TADBIR

Pemahaman Harta Pusaka Kecil Daripada Unit Pusaka Kecil Daerah

### 05 KOMUNITI

- FELDA Prihatin-bantuan Khas Kepada Warga Peneroka Terkesan COVID-19

### 06 KEBERKATAN LAPORAN #SEDEKAH300

(Kemaskini Sehingga 16 Sept 2021)

### 08 KOMUNITI

- Hari Peneroka FELDA 2021-Anjakan Minda Peneroka Memacu FELDA Ke Hadapan
- Program Imunisasi COVID-19 Komuniti Felda

### 10 PROGRAM PEMBANGUNAN PENEROKA

Digitalisasi Pemasaran E-Dagang FELDA Ke Hadapan

### 11 R & D

- Lemon Myrtle
- Kenali Rumpai Ladang Sawit

### 12 INSPIRASI

- Anugerah Peningkatan Tertinggi Sawit 2021 FELDA Gunung Besut 5

## SIDANG REDAKSI

#### PENAUNG :

YB Dato' Seri Haji Idris Bin Jusoh

#### KETUA EDITOR :

Shanizar binti Ahmad Shahar

#### EDITOR :

Muhamad Fakhru Anwar  
Bin Omar

#### PENASIHAT :

Dato' Amiruddin Bin Abdul Satar

#### PENOLONG KETUA EDITOR :

Norhasimah Binti Mohd Nor

#### PENOLONG EDITOR 1 :

Nur Farahana Binti Shaari

#### ANGGOTA REDAKSI :

Mohamad Isa Hasan  
Mohd Shariman Che Deris  
Hasyira Nadiya Yugani  
Mohamad Fadzli Raja Aziz  
Hisyam bin Ahmad @Ahmaddiah  
Nurulnaida Bt Md Noh  
Nur Hazimah Binti. Rahman

#### REKABENTUK DAN CETAKAN :

Gigawise Network Sdn Bhd  
No. 74, Jalan Kapar 27/89,  
HICOM Heavy Industrial Park  
Seksyen 27, 40400 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-5191 1115 Fax: 03-5191 1004  
Giga Wise Network Sdn Bhd  
www.gigaprint2u.com

# SEKAPUR SIREH PERUTUSAN: PENGERUSI FELDA

Assalamualaikum Wbt & Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah saya masih diberi kesempatan dan kekuatan bagi menggalas tanggungjawab untuk mengembalikan kecemerlangan dan kegemilangan FELDA.

Pada sesi TownHall yang lepas (8 September 2021), saya telah berkongsi dengan barisan petugas kejayaan-kejayaan yang telah kita kecapai.

Bagi menangani isu aliran tunai, FELDA telah menerima bantuan Suku berjaminan kerajaan RM9.9 bilion yang digunakan bagi pengambilalihan FGV. Sehingga kini, pegangan FELDA dalam FGV mencecah 82%.

FELDA juga telah menerima Pengarah Besar baharu pada 15 Oktober 2020 dan kemudian, struktur organisasi baharu diperkenalkan pada 2 Februari 2021. Sistem kewangan FELDA juga semakin baik. Penyata hutang peneroka telah selesai pada 30 September 2020 yang akhirnya kerajaan meluluskan pemansuhan 80% hutang peneroka.

Sehingga kini, 98,730 peneroka telah menandatangani Perjanjian Penghapusan Pinjaman Peneroka. Penyata Kewangan FELDA tahun 2020 juga telah sedia untuk diaudit pada 14 April yang lalu, berbanding Penyata Kewangan Tahun 2019 yang hanya siap diaudit pada bulan Januari 2021.

Bagi meningkatkan produktiviti ladang, benih Yangambi 3-Way telah digunakan bermula tanam semula tahun 2020. Mekanisasi giat dilaksanakan melalui latihan Drone operator yang dilatih oleh MBFM dan Aerodyne. Buat pertama kalinya, kerja-kerja meracun menggunakan drone diaplikasikan di Chalok Barat.

Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan ladang, proses konsolidasi dilaksanakan di bawah FELDA Plantation Management (FPM) dengan menggunakan 1 Sistem, 1 Operasi, 1 Pasukan (1SOP). Jabatan Inspektorat Operasi Perladangan ditubuhkan bagi menyelia seluruh operasi perladangan.

Sepanjang tahun 2020, seramai 1,472 peneroka dan kakitangan telah menjalani kursus Neuro-Linguistic Programming (NLP). Kesannya, RM9.9 juta telah disumbangkan oleh warga peneroka melalui Program Sedekah300 yang kemudian disalurkan kepada Majlis Agama Islam Negeri masing-masing.

Lembaga FELDA telah meluluskan penubuhan Wakaf Korporat FELDA dan baru-baru ini, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah meluluskan taraf Mutawalli yang membolehkan FELDA mengumpul, mengurus dan mengagihkan keuntungan daripada operasi wakaf. Insyaa-Allah Wakaf FELDA akan menjadi Institusi Wakaf terbesar di Malaysia.

Mencipta kejayaan memerlukan pengorbanan dan kegigihan. Dengan semangat kebersamaan dan kebersatuan warganya, FELDA kini sedang dalam landasan yang tepat untuk menuju Fortune 500 pada tahun 2040.

### YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH PENERUSI FELDA



# Pemahaman Proses Pengurusan Harta Pusaka Kecil Daripada Unit Pusaka Kecil Daerah (JKPTG)

Artikel ini adalah untuk memberi garis panduan yang ringkas tentang tatacara tuntutan pembahagian pusaka kecil yang dilaksanakan di Unit Pusaka Kecil Daerah (JKPTG). Selain itu adalah untuk memberi dan menyedarkan warga peneroka terutamanya betapa pentingnya pembahagian tuntutan pusaka itu perlu dibuat secepat mungkin.



## CARA MEMBUAT PERMOHONAN PEMBAHAGIAN PUSAKA KECIL (SEKSYEN 8) - AKTA HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) 1955

01

### PERMOHONAN UNTUK PEMBAHAGIAN PUSAKA KECIL

Borang A  
(<https://www.jkptg.gov.my/my/pembahagian-pusaka-kecil/file/227-borang-permohonan-baru-bahasa-melayu-borang-a-seksyen-8>)  
Aplikasi MyeTaPP  
<https://www.myetapp.gov.my/v7/online/>

02

### PERMOHONAN MESTILAH DISERTAKAN :

#### Bukti Kematian.

- Sijil kematian/permit menguburkan atau;
- Surat Akuan Sumpah oleh 2 orang saksi bebas yang menyaksikan jenazah dikebumikan, contohnya bagi kematian semasa pendudukan Jepun dan sebelumnya atau;
- Perintah Anggapan Kematian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi dalam keadaan seperti kematian tanpa kubur, hilang semasa pendudukan Jepun, tragedi 13 Mei 1969, tragedi Muassim, dan perintah ini hanya boleh didapati selepas 7 tahun dari tarikh berlakunya kejadian.

**Dokumen Harta Tak Alih** - Salinan hakmilik yang diakui sah oleh Pejabat Tanah atau Perakuan Carian Rasmi yang menunjukkan pegangan harta tak alih simati atau surat perjanjian jual beli bagi rumah yang belum ada hakmilik yang berasingan, salinan resit cukai pintu bagi kediaman/bangunan Hak Milik Strata yang belum dikeluarkan dan resit cukai tanah (jika ada).

**Salinan dokumen harta** - Harta Alih seperti salinan sijil saham, salinan buku akaun simpanan, salinan hakmilik kenderaan, salinan penyata KWSP dan sebagainya yang terkini.

## SIAPAKAH YANG BERHAK MEMOHON

Di antara mereka yang berhak memohon adalah seperti berikut:-

- Waris - waris simati seperti balu lelaki atau perempuan, anak lelaki atau perempuan, ibu atau bapa, Majlis Agama Islam (Baitulmal) dan sebagainya;
- Pemiutang dan pengkaveat;
- Pembeli di bawah surat perjanjian jual beli yang sah;
- Pemegang gadaian atau pemegang pajakan tanah simati;
- Penghulu atau Pegawai Petempatan yang diarahkan oleh Pentadbir Tanah;
- Amanah Raya Berhad.

## DI MANAKAH PERMOHONAN BOLEH DIKEMUKAKAN

- Di Unit Pembahagian Pusaka/Pejabat Tanah Daerah di mana harta tak alih simati terletak.
- Sekiranya simati mempunyai harta tak alih (tanah) di banyak tempat sama ada di dalam negeri yang sama atau negeri yang berlainan, permohonan pembahagian kesemua harta tak alih itu hendaklah dikemukakan di salah satu daerah sahaja iaitu di mana harta tak alih itu terletak.

## KOMUNITI MENGHADIRI PEMBICARAAN

01

Semua dokumen asal seperti bukti kematian, hak milik tanah, kad pengenalan, surat beranak, surat nikah, bukti-bukti harta alih dan lain dokumen yang difikirkan perlu hendaklah dibawa semasa pembicaraan.

02

Semua pihak yang diminta hadir adalah dikehendaki hadir di hari pembicaraan.

03

Semua keterangan semasa pembicaraan hendaklah diberi secara bersumpah/berikrar.

04

Mana-mana waris yang tidak dapat hadir bolehlah mengemukakan Surat Aakuan Persetujuan yang ditandatangani di hadapan Pentadbir Tanah, Majistret, Pesuruhjaya Sumpah atau Notaris Awam Sila nyatakan cara pembahagian yang dikehendaki dengan jelas. Surat Aakuan Persetujuan boleh didapati di semua Unit Pembahagian Pusaka, Pejabat Tanah Daerah atau dimuat turun melalui  
(<https://www.jkptg.gov.my/my/pembahagian-pusaka-kecil/file/233-borang-persetujuan-bahasa-melayu-borang-dda>)

## BAGAIMANA CARA HARTA PUSAKA KECIL DIBAHAGIKAN

- Pembahagian adalah mengikut Hukum Syarak bagi orang Islam.
- Bagi bukan Islam, pembahagian adalah mengikut Akta Pembahagian 1958 (Akta 300).
- Pembahagian secara muafakat boleh dilaksanakan jika semua waris yang berhak mewarisi harta pusaka simati bersetuju.
- Pembahagian bagi pegangan desa di bawah Akta Tanah (Kawasan - kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 tidak boleh dibuat lebih dari dua orang. Jika lebih dari dua orang yang berhak dan mereka tidak bersetuju secara muafakat memberi kepada dua orang sahaja daripada mereka, Pentadbir Tanah Daerah boleh menjual pegangan itu dan hasil jualannya dibahagikan di kalangan orang yang berhak.

## JANGKA MASA MEMPROSES SESUATU TUNTUTAN

- Jangka masa minima memproses sesuatu tuntutan kes biasa adalah dalam tempoh 5 ½ bulan bagi Permohonan Baru – Borang A Seksyen 8
- Bagi kes yang melibatkan kematian berlapis dan harta berada di dalam daerah yang berlainan jangka masa proses mungkin melebihi dari tempoh di atas.

## MENGAPA PERMOHONAN PUSAKA PERLU DIBUAT SEGERA



**Sumber rujukan utama:** Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) <https://www.jkptg.gov.my/index.php/my/permohonan-pusaka> dan Jabatan Pengurusan Tanah (JPT) FELDA



Penyerahan Bantuan COVID-19 di FELDA Kota Gelanggi 2, Wilayah Jengka  
Tarikh PKPD : 25.8.2021 – 7.9.2021



Penyerahan Bantuan COVID-19 di FELDA Keratong 8, Wilayah Kuantan  
Tarikh PKPD : 10.9.2021 – 23.9.2021

# FELDA PRIHATIN: Bantuan Khas Kepada Warga Peneroka Terkesan COVID-19

Sebagai sebuah organisasi yang mementingkan kesejahteraan warga peneroka, FELDA amat prihatin dengan kebajikan peneroka yang terlibat dalam penularan COVID-19. Keputusan Mesyuarat Mingguan Timbalan Pengarah Besar (TPB) Operasi bertarikh 8 Februari 2021 telah bersetuju untuk mempertimbangkan sumbangan kepada warga FELDA yang terjejas akibat COVID-19 di kawasan yang diperintahkan menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sumbangan sebanyak RM50/peneroka dalam bentuk barang keperluan asas makanan atau keperluan harian telah disediakan. Penyediaan keperluan ini telah diuruskan oleh D'Mart. Pihak pengurusan rancangan akan berurusan dengan D'Mart bagi membekalkan keperluan yang bersesuaian. Manakala peruntukan sebanyak RM30/orang pula telah disediakan kepada buruh yang berada di rancangan yang diarahkan melaksanakan PKPD.

Bil	Wilayah	Bil. Rancangan
<b>Pakej A*</b>		
1	Tepung Gandum	1KG
2	Bihun	1 Paket
3	Beras 5KG	1 Paket
4	Biskut Cream Cracker	1 Paket
5	Sardin	1 Tin
<b>Pakej B*</b>		
1	Telur	1Tray
2	Ayam	1 Ekor
3	Kobis	1KG
4	Bawang Besar	500Gram
5	Bawang Putih	300Gram
6	Mee Kuning	1KG
<b>Pakej C*</b>		
1	Beras 10KG	1 Paket
2	Tepung Gandum	1KG
3	Gula	1KG
4	Telur 30 Biji	1 Tray
5	Bihun	1 Paket
6	Biskut Wafer	1Paket

\*Penyediaan bahan-bahan makanan bergantung kepada keperluan setempat.

Bermula Julai 2021, bantuan ini telah diperluaskan kepada penduduk yang berada di dalam rancangan FELDA. Komuniti dalam rancangan ini akan turut menikmati sumbangan pihak pengurusan apabila PKPD dilaksanakan.

Sehingga September 2021, sebanyak RM1,125,683.00 telah dikeluarkan untuk membiayai program sumbangan ini yang melibatkan seramai 22,787 orang penerima yang berada di 60 buah rancangan.

Berikut adalah rumusan Bantuan COVID-19 yang telah dikeluarkan :

Bil	Wilayah	Jumlah (RM)
1	Terengganu	RM 63,300.00
2	Mempaga	RM 322,350.00
3	Jengka	RM 325,900.00
4	Kuantan	RM 68,900.00
5	Alor Setar	RM 0.00
6	Trolak	RM 78,700.00
7	Gua Musang	RM 0.00
8	Raja Alias	RM 0.00
9	Johor Bharu	RM 15,050.00
10	Segamat	RM 148,750.00
11	Sahabat	RM 41,200.00

Bantuan ini diharap akan membantu mengurangkan bebanan peneroka yang terlibat dengan pandemik COVID-19 dan membuktikan kepada masyarakat luar bahawa FELDA adalah satu organisasi yang menitikberatkan kebajikan dan kesejahteraan peneroka.



Penyerahan Bantuan COVID-19 di FELDA Wilayah Mempaga.

# #SEDEKAH

(Kemaskini Sehari)

## JUMLAH KESELURUHAN

## RM 10,362,320.88

KUTIPAN  
MENGIKUT  
WILAYAH

**Johor Bahru**

RM 2,710,231.00  
51.46%

**Terengganu**

RM 1,311,843.53  
58.62%

**Kuantan**

RM 1,167,860.00  
25.87%

**Jengka**

RM 1,152,640.00  
25.69%

**Segamat**

RM 949,444.10  
27.72%

**Alor Setar**

RM 690,416.58  
56.94%

**Raja Alias**

RM 677,729.67  
13.75%

**Mempaga**

RM 617,161.00  
15.68%

**Gua Musang**

RM 423,993.00  
45.39%

**Trolak**

RM 351,212.00  
14.92%

**Sahabat**

RM 309,790.00  
62.70%

**Alor Setar**

(Teloi Timur)

RM 222,597.00  
121.64%

**Terengganu**

(Neram 1)

RM 201,462.88  
103.47%

**Alor Setar**

(Sungai Tiang)

RM 194,598.03  
124.26%

## JUMLAH KESELURUHAN

## RM 10,362,320.88

**Johor**

RM 3,628,128.10

**Pahang**

RM 2,937,661.00

**Terengganu**

RM 1,311,843.53

**Negeri Sembilan**

RM 677,729.67

**Kedah**

RM 585,128.58

**Kelantan**

RM 423,993.00

**Sabah**

RM 309,790.00

**Perak**

RM 287,010.00

**Perlis**

RM 105,288.00

**Selangor**

RM 64,202.00

**Melaka**

RM 31,547.00

KUTIPAN  
MENGIKUT  
NEGERI

**Terengganu**

(Kerteh 1)

RM 114,758.51  
95.63%

**Terengganu**

(Mengkawang)

RM 100,674.00  
102.00%

**Jengka**

(Jengka 11)

RM 98,780.00  
62.24%

# H300

hingga 15 September 2021)

## JUMLAH KUTIPAN

### Johor Bahru

(Sungai Mas)

**RM 154,391.00**

73.84%

### Johor Bahru

(Lok Heng Timur)

**RM 129,400.00**

91.97%

### Terengganu

(Kerteh 2)

**RM 124,443.00**

129.22%

### Raja Alias

(Sungai Kelamah)

**RM 123,600.00**

102.23%

### Johor Bahru

(Air Tawar 4)

**RM 121,000.00**

78.78%

### Johor Bahru

(Lok Heng Selatan)

**RM 119,436.00**

107.31%

### Johor Bahru

(Bukit Aping Timur)

**RM 115,000.00**

70.34%

## JUMLAH KUTIPAN

### Terengganu

(Kerteh 2)

**RM 124,443.00**

129.22%

### Alor Setar

(Sungai Tiang)

**RM 194,598.03**

124.26%

### Alor Setar

(Teloi Timur)

**RM 222,597.00**

121.64%

### Terengganu

(Selasih)

**RM 52,556.65**

110.88%

### Johor Bahru

(Lok Heng Selatan)

**RM 119,436.00**

107.31%

### Terengganu

(Belara)

**RM 66,875.00**

107.17%

### Terengganu

(Neram 1)

**RM 201,462.88**

103.47%

### Raja Alias

(Sungai Kelamah)

**RM 123,600.00**

102.23%

### Terengganu

(Mengkawang)

**RM 100,674.00**

102.00%

### Sahabat

(Sahabat 03)

**RM 56,510.00**

100.20%

TOP 20

(KUTIPAN)

TOP 20

(PERATUS%)

## JUMLAH KUTIPAN

### Johor Bahru

(Air Tawar 5)

**RM 96,540.00**

54.63%

### Johor Bahru

(Sening)

**RM 94,216.00**

62.19%

### Johor Bahru

(Bukit Ramun)

**RM 93,000.00**

95.98%

### Johor Bahru

(Air Tawar 2)

**RM 90,164.00**

38.63%

### Alor Setar

(Chuping)

**RM 86,638.00**

64.61%

### Segamat

(Pemanis 1)

**RM 85,906.60**

57.27%

### Johor Bahru

(kledang)

**RM 84,390.00**

74.03%

### Sahabat

(Sahabat 02)

**RM 53,400.00**

100.00%

### Gua Musang

(Chiku 06)

**RM 42,750.00**

98.96%

### Kuantan

(Felda Selendang 02)

**RM 38,750.00**

97.85%

### Kuantan

(Felda Selancar 05)

**RM 26,300.00**

97.41%

### Gua Musang

(Perasu)

**RM 70,700.00**

96.58%

### Johor Bahru

(Bukit Ramun)

**RM 93,000.00**

95.98%

### Terengganu

(Kerteh 1)

**RM 114,758.51**

95.63%

### Johor Bahru

(Tenggaroh 3)

**RM 54,050.00**

94.33%

### Johor Bahru

(Tenggaroh 6)

**RM 76,000.00**

93.48%

### Johor Bahru

(Lok Heng Timur)

**RM 129,400.00**

91.97%

## PENGENALAN

Keperluan untuk mendapatkan bekalan vaksin merupakan keutamaan negara bagi memastikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dapat dilaksanakan bagi membendung pandemik ini.



## OBJEKTIF

- Perhatian oleh kerajaan Malaysia untuk membendung penularan penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) di dalam negara.
- Merealisasikan hasrat kerajaan dalam mencapai tahap imuniti berkelompok dan memaksimumkan penerimaan vaksin untuk warga FELDA.
- Memastikan kesejahteraan dan kebajikan warga peneroka sentiasa dipelihara.
- Mengurangkan risiko mendapat jangkitan virus COVID-19 dan merangsang sistem ketahanan semulajadi badan.



## SASARAN PESERTA

Warga FELDA yang masih belum menerima suntikan vaksin termasuklah peneroka, penerokawati dan generasi FELDA yang berada di rancangan serta tenaga kerja buruh asing di bawah kelolaan FELDA Plantation Management (FPM) yang berada di rancangan.



## KONSEP PENGLIBATAN FELDA

### FELDA MENYEDIAKAN

#### LOKASI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN

1

Program ini akan dibayai sepenuhnya oleh KKM dan peluang mendapatkan vaksin disediakan kepada warga rancangan serta masyarakat berhampiran dengan rancangan.

Program diadakan di Dewan Semai Bakti yang terdapat di rancangan. Program ini telah berlangsung di beberapa rancangan di seluruh negara dan mendapat sambutan amat menggalakkan dari warga rancangan.

### FELDA MENGADAKAN

#### KERJASAMA DENGAN AGENSI YAYASAN FELDA

2

Program diadakan secara kerjasama khususnya dalam menampung kos penyediaan keperluan PPV yang berkonsepkan bergerak. Pembukaan PPV ini berdasarkan perincian bersama

Pejabat Kesihatan Daerah dan mengikut keperluan setempat.

### LOKASI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV)

#### KERJASAMA DENGAN AGENSI YAYASAN FELDA

3

Bil	Wilayah	Jumlah Vaksinasi
1	Dewan Semai Bakti FELDA Neram 1	1,200
2	Kompleks Sukan Komuniti FELDA Kerthel 3	5,304
3	Dewan Semai Bakti FELDA Jerangau	468
4	Dewan Semai Bakti FELDA Krau 1	162
5	Dewan Semai Bakti FELDA Jenderak Selatan	384

CONTOH BANNER PROGRAM VAKSINASI KOMUNITI



## MAKLUMAT STATUS IMUNISASI PENEROKA FELDA SEHINGGA 31 OGOS 2021

Bil	Wilayah	Bil. Peneroka	Belum Mendaftar	Sudah Mendaftar	Selesai Vaksin 1	Selesai Vaksin 2	Belum Vaksin	Jumlah Lokasi Pusat Vaksin	
								Luar Rancangan	Dalam Rancangan
1	Alor Setar	4,042	336	3550	336	2,778	436	6	2
2	Gua Musang	3,114	564	2,550	544	1,640	366	3	3
3	Jengka	14,957	901	14,056	2,648	8,725	2,683	4	4
4	Johor Bahru	17,554	2,237	15,244	2,410	11,092	1,742	13	10
5	Kuantan	15,050	855	14,195	3,638	6,450	4,107	12	4
6	Mempaga	13,119	1,244	11,875	2,787	7,751	1,337	16	8
7	Raja Alias	16,432	1,136	15,296	2,130	11,866	1,300	12	5
8	Terengganu	7,458	0	7,458	2,094	4,143	1,221	5	15
9	Trolak	7,847	932	6,915	975	5,497	443	9	5
10	Segamat	11,418	2,184	9,234	1,553	6,777	904	11	5
11	Sahabat	1,647	157	1493	226	1,118	149	1	5
Jumlah		112,638	10,543	101,866	19,341	67,837	14,688	92	66
PERATUS %		100	9.36	90.44	17.17	60.23	13.04	158	



“ Dengan kelebihan bank tanah seluas 832 ribu hektar atau lebih 2 juta ekar, FELDA mempunyai keupayaan dan potensi besar untuk kembali menjadi syarikat perladangan terulung dunia. Seperti rakyat Malaysia yang lain, saya mahu melihat nama FELDA terpampang dalam senarai syarikat-syarikat global paling berjaya seperti di dalam fortune golbal 500. Saya sedar ini bukanlah sesuatu yang mudah, namun dengan strategi serampang tiga mata (“RESTART, REVITALISE DAN REFORM”) dan dengan komitmen pihak pengurusan baru serta sokongan kerajaan, ia tidak mustahil untuk dicapai. ”

- TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN, MANTAN PERDANA MENTERI MALAYSIA -

# HARI PENEROKA FELDA 2021:

## Anjakan Minda Peneroka Memacu FELDA Ke Hadapan

**Y**AB Perdana Menteri, Tan Sri Dato’ Hj. Muhyiddin Hj. Mohd Yassin telah melancarkan Hari Peneroka FELDA 2021 pada 7 Julai 2021 lalu dengan tema Anjakan Minda Peneroka. Sambutan yang dilaksanakan secara virtual sepenuhnya ini dipancarkan ke seluruh negara melalui siaran TV1 Radio Televisyen Malaysia (RTM) serta menerusi laman Facebook Rasmi RTM dan FELDA.

YAB Perdana Menteri turut mengumumkan inisiatif penyelarasan hutang peneroka iaitu antara usaha menyelesaikan isu hutang legasi, mengurangkan bebanan pinjaman serta meningkatkan daya berikar warga peneroka.

Penyelarasan ini merangkumi penghapusan sebahagian baki pinjaman tanam semula, baki tunggakan baja, pinjaman saham FGV, pinjaman pembangunan asal dan baki pinjaman Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF). Inisiatif ini secara keseluruhannya akan memberi manfaat kepada lebih 92,000 orang peneroka yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan.

Melalui inisiatif ini, bebanan pinjaman peneroka akan berkurangan dengan drastik iaitu sebanyak purata 80%. Purata bayaran kembali pinjaman dijangka akan berkurangan kepada hanya RM250-RM300 sebulan bagi peneroka sawit dan serendah RM150 bagi peneroka getah iaitu satu kadar yang sangat munasabah, wajar dan mampu dibayar.

Pelancaran ini turut disempurnakan dengan pengumuman pemenang Anugerah Kecemerlangan Kampung FELDA (AKFR) di mana FELDA Kerteh 2, Wilayah Terengganu dinobatkan sebagai Johan yang telah menerima hadiah wang tunai RM500,000.

Naib Johan disandang oleh FELDA Tersang 3, Wilayah Mempaga yang menerima wang tunai RM300,000 manakala tempat ketiga dimenangi oleh FELDA Jengka 25, Wilayah Jengka yang menerima wang tunai sebanyak RM200,000.

AKRF yang dinaik taraf daripada Anugerah Keceriaan Kampung FELDA (AKKF) sebelum ini dianjurkan sebagai satu inisiatif pemerkasaan komuniti rancangan dengan skop penilaian mencakupi sumber ekonomi, keceriaan rancangan, pencapaian badan-badan rancangan,

pendidikan serta infrastruktur.

Buat julung kalinya juga dalam Sambutan Hari Peneroka FELDA, Anugerah Tokoh Belia, Tokoh Beliawanis, Tokoh Generasi Lelaki dan Tokoh Generasi Perempuan diperkenalkan. Sambutan Hari Peneroka FELDA merupakan acara tahunan bagi menghargai peranan warga peneroka dalam pembangunan dan kejayaan FELDA.

Beliau turut menggariskan strategi serampang tiga mata iaitu Restart, Revitalise, Reform untuk FELDA kembali menjadi syarikat perladangan terulung dunia. “Dengan kelebihan bank tanah seluas 832 ribu hektar atau lebih 2 juta ekar, FELDA mempunyai keupayaan dan potensi besar untuk kembali menjadi syarikat perladangan terulung dunia. Seperti rakyat Malaysia yang lain, saya mahu melihat nama FELDA terpampang dalam senarai syarikat-syarikat global paling berjaya seperti di dalam Fortune Global 500. Saya sedar ini bukanlah sesuatu yang mudah, namun dengan strategi serampang tiga mata (“Restart, Revitalise dan Reform”) dan dengan komitmen pihak pengurusan baru serta sokongan Kerajaan, ia tidak mustahil untuk dicapai.”

## FELDA DAN SHOPEE JALIN KERJASAMA UNTUK MEMACU DIGITALISASI SEKTOR KEUSAHAWANAN

*Kerjasama sasar tingkatkan pendapatan peneroka FELDA dan mempromosikan produk FELDA melalui FELDA E-Mall di Shopee.*



daripada sasaran utama iaitu 300 peserta. FELDA telah menyediakan dana pelaburan sebanyak RM200,000 untuk pepadanan aset pemasaran yang diuruskan oleh pihak Shopee. Sehingga Ogos 2021 sejumlah RM47,318 dana yang disediakan ditukarkan kepada pelbagai baucar telah dilaburkan dengan penerimaan pendapatan sebanyak RM353,623.

Program ini yang baru berlangsung selama 5 bulan telah memberi nilai pelaburan dikembalikan sebanyak 7.5 kali ganda (ROI) dengan penyertaan terkini peserta seramai 141 orang.

Bagi menjayakan kempen ini, Shopee juga mencipta laman mikrosite khas untuk memaparkan hasil produk usahawan warga FELDA yang dikenali sebagai FELDA E-Mall dengan memperkenalkan slogan “**Jom Beli Produk FELDA, Semudah di hujung Jari Anda**” dengan memastikan servis visual setiap produk dikemaskini.

Kempen ini dapat diakses dengan mudah melalui carian enjin keyword ‘FELDA’ yang akan

memaparkan jupuan FELDA E-Mall di barisan pertama carian, dan ia juga dapat diakses dengan mudah melalui portal dalam aplikasi ‘Buy Malaysia’ dan ini secara langsung meningkatkan keterlihatan kedai dan produk usahawan warga FELDA.

Sebagai platform e-dagang nombor satu di Malaysia, Shopee akan memberi latihan e-dagang asas dan peningkatan kemahiran secara percuma kepada para peneroka FELDA yang ingin menceburi bidang keusahawanan atas talian. Usaha ini adalah untuk menyediakan para usahawan dengan ilmu termasuk dalam pemasaran digital dan kemahiran fotografi dan banyak lagi serta amalan terbaik dalam perniagaan e-dagang.

Kursus latihan dan didik daripada Shopee ini dapat mempersiapkan usahawan FELDA untuk berdaya saing di persada e-dagang dan membantu FELDA mencapai matlamat menghasilkan 1,000 usahawan jutawan menjelang 2025. FELDA menasarkannya peserta PPP akan dapat melebarkan sayap jualan melalui platform online bagi memberi penambah pendapatan daripada pusat rancangan dan projek sahaja tanpa perlu ada keperluan fizikal infra seperti kedai.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) bersama platform e-dagang Shopee Mobile Malaysia Sdn. Bhd. telah berjaya memeterai kerjasama eksklusif bagi memacu usaha digitalisasi sektor keusahawanan warga peneroka FELDA. Memorandum Persefahaman ini telah ditandatangani pada 17 September 2020 yang lalu. Secara rasminya laman mikrosite FELDA E-Mall bersiaran di platform Shopee pada 15 Mac 2021 dengan permulaan penyertaan seramai 58 peserta

# PROGRAM PEMBANGUNAN PENEROKA

Peluang bekerjasama dengan Shopee dalam kolaborasi ini akan merealisasikan misi FELDA untuk melahirkan usahawan jutawan FELDA yang terdiri daripada kalangan peneroka dan generasi baharu. Melalui usaha ini, kita dapat bersama-sama dalam mengatasi cabaran akibat wabak COVID-19.

Secara keseluruhan, ekonomi digital berpotensi untuk memberikan seribu satu peluang yang patut dikongsi bersama. Tambahan pula, keperluan yang semakin meningkat untuk meneroka transformasi digital akan mengukuhkan ekonomi negara serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

Secara bersama, pihak Shopee dan FELDA akan menjayakan kempen ini bagi menggalakkan rakyat berbelanja secara atas talian di Shopee di mana pelbagai baucar diskaun akan disalurkan kepada usahawan FELDA untuk dinikmati oleh para pengguna.

lokal dan usaha sama ini berpotensi untuk membuah hasil yang mampan bagi para usahawan FELDA.



## KELEBIHAN PESERTA PROGRAM FELDA X SHOPEE



Latihan E-Dagang & Peningkatan Kemahiran Perniagaan Online secara PERCUMA oleh Shopee

**FELDABEST**  
-Flagship Store-



Layak terima Template Khas disediakan oleh FELDA (bagi produk terpilih)



Peserta & Produk Terpilih berjualan dibawah Platform FELDA E-Mall

Memperkasakan Usahawan/Kumpulan Anak Syarikat melalui "0" Yuran Pendaftaran, "0" Yuran Listing dan "0" Komisyen

Layak terima melalui kempen Promosi pakej Impak Jualan Berganda & Publisiti dalam aset Pemasaran FELDA di Shopee

**FELDABEST**  
-Flagship Store-

## SYARAT PEMILIHAN PESERTA PROGRAM FELDA X SHOPEE

**FELDABEST**  
-Official Store-

Warganegara Malaysia.

Kategori Peserta dibuka kepada:

1. Usahawan Warga Peneroka FELDA (Peneroka, Penerokawati, Anak, Menantu, Cucu, Cicit).
2. Badan-badan Rasmi di Rancangan FELDA (Koperasi, GPW, JKJK/JKKR, MBFM, KAF).
3. Projek Khas FELDA (Gedung Makanan Negara, Sentuhan Kasih FELDA, SAWARI).
4. Kumpulan Anak Syarikat FELDA (Kumpulan KPF, Kumpulan KPF2, FICSB)

Lokasi Perniagaan : terbuka luar atau dalam rancangan

Keutamaan produk melibatkan :

1. Produk Keluaran Jenama Sendiri / Produk Pertanian bermusim
2. OEM Produk.
3. Kategori Produk : Makanan Kering (Kerepek, Biskut, Kuih Tradisional Kering), Makanan Sejuk Beku, Makanan Siap Proses/Terproses (retort, pengalangan, botol), Kek dan Pastrri Minuman (3in1, paket, Ready to Drink, Kordial), Produk Makanan Kesihatan (Produk Herba, Minuman Kesihatan), Produk Kesihatan (Perubatan Traditional, Supplement Kesihatan), Produk Input Pertanian, Produk Segar Pertanian (Sayur, Buah, Daging), Perabot dan Kraftangan, Fabrik dan Tekstil, Kosmetik, Perkhidmatan (Percetakan, Spa, Urutan, Andaman) Perhotelan, Fashion dan Aksesori

Mempunyai Daftar Syarikat (SSM)

Tidak dibenarkan penjualan produk keluaran syarikat luar / produk luar (re-seller/dropship/stokis)

Entiti pemohon 100% hakmilik warga peneroka atau perkongsian syer (disahkan oleh Pengurus Rancangan FELDA/ pihak yang bertauliah)



# LEMON MYRTLE:

Tanaman Alternatif yang boleh dicadangkan bagi kawasan yang tidak sesuai ditanam dengan tanaman utama Getah & Kelapa Sawit



Jadual 1. Perbandingan pendapatan dan kos pengeluaran (RM) lemon myrtle dan tanaman ladang yang lain

	Tanaman	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
1 Kos penanaman hingga mula berbuah	Lemon myrtle	61,318		6,670		
	Kelapa sawit Getah					7,000
2 Pendapatan	Lemon myrtle	27,000	45,000	135,000	270,000	270,000
	Kelapa sawit			2,500	4,000	4,800
	Getah					4,340
3 Kos pengeluaran + kos pemprosesan (% pendapatan kasar)	Lemon myrtle (30%)	8,100	13,500	40,500	81,000	81,000
	Kelapa sawit (40%)			1,000	1,600	1,920
	Getah (45%)					1,953
4 Untang bersih (2 - 3)	Lemon myrtle	18,900	31,500	94,500	189,000	189,000
	Kelapa sawit			1,500	2,400	2,880
	Getah					2,387

Lemon Myrtle atau nama saintifiknya *Backhousia citriodora* merupakan tanaman asli Australia yang boleh didapati dari pinggir laut Sunshine Coast dan Proserpine di Brisbane dan Rockhampton. Lemon Myrtle tumbuh secara semula jadi dalam pelbagai altitud dari 50m hingga 800m atau melebihi paras laut.

terkenal dengan aroma lemonnya (citral fragrance). Terdapat lain-lain pati minyak berperisa lemon yang berasal dari tumbuh-tumbuhan lain seperti citrus (3-10% citral), serai (75% citral), Verbara (74% citral), manakala lemon myrtle (90- 97% citral).

berpotensi dalam industri aromatik dan kosmetik. Produk sabun mandi, losyen, syampu badan serta gel mandian dan ramuan pelembab bibir.

bersifat antikulat dan antimikrob serta sesuai dijadi kan sebagai agen sanitasi.



## JENIS RUMPUT BENTUK DAUN TIRIS

- Lalang (*Imperata cylindrica*)
- Rumput Kemarau (*Ischaemum muticum*)



## JENIS PAKU PAKIS DAN RESAM

- Mempunyai sistem akar cetek, tumbuh di kawasan lembab dan terlindung atau tanah kurang subur.
- Hidup di celah-celah pangkal pelepah.
- Contohnya, Paku Larat (*Nephrolepis biserrata*) dan resam (*Disranopteris linearis*)



## EMPAT JENIS RUMPAI TERSEBUT BOLEH DIBAHAGIKAN KEPADA 3 KUMPULAN

## KENALI RUMPAI LADANG SAWIT

Ramai warga FELDA khususnya generasi baru peneroka masih keliru berkaitan dengan rumpai, tidak semua diracun malah ada yang sengaja dijaga.

### RUMPAI JENIS A

- Rumpai yang digalakkan tumbuh untuk merencatkan pertumbuhan rumpai 'noxious', meningkatkan kesuburan tanah dan mengawal hakisan.
- Contohnya, spesies kekacang penutup bumi yang berfungsi meningkatkan nutrien di dalam tanah serta pertumbuhan dan hasil sawit.

Jenis rumpai tersebut ialah *Centrosema pubescens*, *Calopogonium mucunoides*, *Mucuna sp.* dan *Calopogonium sp.*

Namun sekiranya tanaman penutup bumi ini tidak diurus dengan baik ia boleh menjejaskan pertumbuhan pokok sawit dengan memanjat dan menutupi keseluruhan permukaan pelepah sawit.

### RUMPAI JENIS B

- Rumpai yang digalakkan tumbuh untuk merencatkan pertumbuhan rumpai 'noxious', meningkatkan kesuburan tanah dan mengawal hakisan.
- Contohnya, spesies kekacang penutup bumi yang berfungsi meningkatkan nutrien di dalam tanah serta pertumbuhan dan hasil sawit.



### RUMPAI JENIS C

- Rumpai jenis noxious dan perlu dihapuskan kerana melibatkan persaingan nutrien, merencatkan pertumbuhan dan mengurangkan hasil sawit.
- Contohnya, pokok kapal terbang (*Chromolaena odorata*), lalang (*Imperata cylindrica*), semalu (*Mimosa sp.*), rumput sambau (*Eleusine indica*), senduduk (*Melastoma malabathricum*), rumput akar ruas-ruas (*Asystasia gangetica*), senduduk bulu (*Cidemia hirta*) dan anak sawit liar (VOPS).



## JENIS MENJALAR DI PERMUKAAN

- Di permukaan tanah dan memanjat batang atau pokok kayu mati.
- Daun lebar dan batangnya kecil serta lembut.
- Contohnya, Selaput Tunggul (*Mikania micrantha*) dan semalu (*Mimosa invisa*).



## JENIS RENEK

- Batang keras atau separa keras, hayat melebihi musim.
- Tumbuh rimbun hasilkan ranting yang banyak.
- Contohnya, Senduduk (*Melastoma malabathricum*) dan akar ruas-ruas (*Asystasia intrusa*)






Cleome Rutidosperma



Nephrolepis Biserrata



Calopogonium Mucunoides



Axonopus Compressus

## ANUGERAH PENINGKATAN TERTINGGI SAWIT 2021 FELDA GUNUNG BESOUT 5

### BIODATA DIRI

Umur : 42 Tahun  
 Asal : Kuala Lipis, Pahang  
 Status : Berkahwin  
 Anak : Mempunyai 2 orang anak

# AMIRUDDIN ABU KASSIM

### TEMPOH PERKHIDMATAN

- Berkhidmat di FELDA selama 15 tahun
- Berkhidmat di FELDA Gunung Besout 5 selama 2 tahun
- 102 orang peneroka

### ANUGERAH YANG DIPEROLEHI SEPANJANG BERKHIDMAT

#### FEBRUARI 2020

Anugerah Hasil Tertinggi Bulanan

#### MARCH 2020

Anugerah Hasil Tertinggi Bulanan

#### BTS PENEROKA

Anugerah Hasil Tertinggi Tahunan 2020



### INISIATIF KESEPAKATAN

- Kerjasama dan hubungan yang baik antara pihak pengurusan dan peneroka.
- Sentiasa mengadakan perbincangan dan mesyuarat dalam menyelesaikan masalah dan setiap pendapat atau cadangan diambil kira.

### HALANGAN DAN KEKANGAN YANG DIHADAPI DAN PENYELESAIANNYA

- Penerimaan peneroka/generasi dalam mencapai sasaran yang ditetapkan oleh FELDA kerana, kebanyakan peneroka telah berada dalam *Comfort Zone*.
- Usaha yang dilakukan pihak pengurusan rancangan mengadakan perancangan secara bersua muka atau melalui media sosial.

### BAGAIMANA MENDAPATKAN KERJASAMA DARI WARGA PENEROKA DAN PETUGAS UNTUK REALISASIKAN IMPIAN INI?

- Mendapatkan kerjasama dari peneroka dan petugas dengan menetapkan sasaran yang sama (*Mutual Target*) iaitu pencapaian hasil yang tinggi, penjagaan ladang yang baik dan komuniti yang berkualiti.

### PRINSIP/MOTO

Hasil yang baik adalah hubungan yang baik.

### RINGKASKAN TIP KEJAYAAN

Kerja dan semangat berpasukan sangat dititikberatkan dalam menjalankan tugas dan menerapkan nilai *Sense of Belonging* dalam menguruskan rancangan.

### WFO FELDA VS STRATEGI PEMULIHAN FELDA

- Memastikan FELDA Gunung Besout 5 dalam landasan yang betul seperti yang disarankan oleh Pengerusi FELDA dan Strategi Pemulihan FELDA iaitu:-Peneroka berpendapatan tinggi melebihi RM5 Ribu, 25 Mt/Ha dan 23.00 OER di mana Besout 5 telah mencapai 32 Mt/Ha, 19.45 OER.